



SOALAN LAZIM

1. Siapakah Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad (“YYP”)?

YYP adalah **yayasan bernombor pendaftaran syarikat 249763-U** dengan jaminan seperti yang termaktub di dalam Akta Syarikat 2016. Ia **BUKAN** sebuah koperasi di bawah Akta Koperasi 1993.

2. Apakah produk yang ditawarkan oleh YYP?

YYP menawarkan produk pembiayaan peribadi Islam tanpa cagaran, khas untuk penjawat awam Malaysia. Kadar keuntungan produk YYP dikira berdasarkan kadar tetap.

3. Adakah saya layak memohon pembiayaan YYP?

Anda layak jika anda memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Bekerja sebagai penjawat awam di Malaysia
2. Warganegara Malaysia
3. Berumur 20-58 tahun. Maksimum bagi anggota polis adalah berumur 55 tahun
4. Pekerja tetap sekurang-kurangnya 1 tahun perkhidmatan
5. Minimum pendapatan bulanan kasar sebanyak RM1,500
6. Tidak dalam proses muflis dan / atau disenarai bankrap

4. Bagaimanakah saya boleh memohon pembiayaan YYP?

Anda boleh menghubungi kami melalui:

1. Hubungi pusat pemprosesan kami di 03-4047 0888; atau
2. E-mel kepada kami di pertanyaan@yyp.com.my

5. Apakah maklumat yang perlu disediakan untuk permohonan pembiayaan saya?

Anda dikehendaki menyediakan:

1. Salinan Kad Pengenalan ("KP")
2. Salinan Kad Pengenalan Polis yang disahkan (jika berkenaan)
3. Salinan sah 3 bulan terakhir yang disahkan oleh majikan
4. Penyata bank terkini (akaun gaji / akaun menerima pembiayaan)
5. Surat pengesahan jawatan
6. Surat opsyen, jika berkenaan
7. Surat penukaran jabatan atau surat penempatan, jika berkenaan
8. Penyata penyelesaian awal, jika berkenaan

Swafoto dengan KP anda juga diperlukan jika:

1. Salinan KP anda tidak jelas
2. Anda adalah pelanggan baru yang memohon pembiayaan melebihi RM50,000

6. Mengapakah saya perlu memberi swafoto bersama KP?

Swafoto diperlukan untuk tujuan pengesahan dalam memproses permohonan pembiayaan anda. Proses pengesahan adalah penting untuk mengurangkan aktiviti penipuan dan / atau kecurian identiti. Keperluan untuk swafoto dikenakan sebagai usaha wajar untuk memastikan tiada pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan. Pengumpulan maklumat sedemikian adalah wajib untuk terus menikmati perkhidmatan kewangan kami.



7. Adakah saya perlu memberi maklumat peribadi yang lain, cth. laporan kredit?

Ya, persetujuan anda untuk mendedahkan laporan kredit diperlukan untuk memudahkan proses permohonan pembiayaan. Maklumat kredit akan digunakan sebagai sebahagian daripada pertimbangan semasa menawarkan produk pembiayaan.

8. Adakah penjamin atau cagaran diperlukan?

Tiada penjamin atau cagaran yang diperlukan untuk pembiayaan peribadi YYP.

9. Adakah maklumat peribadi saya yang disediakan untuk aplikasi ini selamat?

Maklumat peribadi anda disimpan dengan selamat mengikut Terma-terma Penggunaan Am dan Notis Peribadi kami. Kami menyimpan, melindungi dan memproses data peribadi anda dengan cara yang selamat dengan mengekalkan perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang mematuhi undang-undang. Kami akan sedaya upaya berusaha untuk mencegah sebarang pemrosesan yang tidak dibenarkan dan / atau menyalahi undang-undang, dan kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang tidak sengaja kepada data peribadi anda. Sila rujuk Terma di laman web kami untuk Terma-terma Penggunaan Am dan Muat Turun > PDPA untuk Notis Peribadi kami.

10. Bagaimanakah saya ingin menukarkan / mengemaskini maklumat setelah menghantarkan permohonan?

Untuk menukar atau mengemaskini maklumat anda selepas menghantar permohonan, sila maklumkan wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda, atau rujuk soalan 3.

11. Adakah produk pembiayaan peribadi YYP bersesuaian dengan syariah?

Ya, produk pembiayaan peribadi YYP adalah mematuhi konsep syariah.

12. Berapakah jumlah kelayakan yang boleh saya pinjam dan berapa lama?

Sila rujuk jadual berikut:

	Pekerja Tetap <i>RM</i>
Min Jumlah Pembiayaan	Semenanjung Malaysia: 3,000 Sabah/Sarawak: 2,500
Max Jumlah Pembiayaan	150,000
Tempoh Pembiayaan	1 – 10 tahun*

* Tertakluk kepada latar belakang peribadi anda, profil kredit, situasi kewangan semasa dan komitmen.

13. Apakah kadar keuntungan untuk produk pembiayaan YYP? Adakah terdapat rebat tunai?

Kadar keuntungan yang ditawarkan boleh disemak dari semasa ke semasa bergantung pada produk kami yang terkini. Pada masa ini, kadar keuntungan kami adalah daripada 6.99% p.a. kepada 9.99% p.a., yang akan ditawarkan bergantung pada profil kredit dan rekod kewangan anda.

Sila dimaklumkan bahawa produk kami tidak mempunyai rebat tunai atau ganjaran tunai pada bila-bila masa atau dalam apa jua bentuk sekalipun.



14. Apakah manfaat ahli YYP? Adakah terdapat yuran keahlian?

Keahlian YYP membenarkan anda memohon bantuan pembiayaan peribadi dengan YYP, tertakluk kepada kelayakan anda. Ahli lama dengan profil kredit kukuh juga lebih berpeluang untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih menarik.

Yuran keahlian adalah RM25 setiap bulan dan tidak boleh dikembalikan. Dana yang diterima boleh, menurut budi bicara YYP sendiri, digunakan untuk sumbangan kepada kegiatan amal, mesyuarat untuk ahli dan/atau biasiswa kepada individu yang memenuhi syarat.

15. Adakah pembayaran atau ansuran lanjutan yang perlu saya tanggung?

Perbelanjaan akan ditolak terdahulu dari jumlah pembiayaan asal anda dan termasuk tetapi tidak terhad kepada, yuran pemprosesan, yuran broker, duti setem, caj pentadbiran, yuran langganan, yuran keahlian dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika berkenaan). Ansuran lanjutan, antara 0 hingga 2 bulan, adalah tertakluk kepada produk yang ditawarkan kepada anda berdasarkan profil kredit dan rekod pembayaran anda dan juga akan ditolak terdahulu dari jumlah pembiayaan asal anda. **Tiada yuran guaman atau bayaran pihak ketiga akan dikenakan selepas anda menerima pembiayaan anda. Selain itu, tiada liputan perlindungan Takaful disediakan.**

16. Berapakah jumlah pembiayaan bersih yang akan saya terima?

Jumlah pembiayaan bersih adalah jumlah setelah menolak semua yuran yang diperlukan dan ianya tertakluk kepada produk yang ditawarkan kepada anda. Ini akan dikemukakan dengan jelas kepada anda untuk dipertimbangkan sebelum pengesahan untuk meneruskan permohonan pembiayaan semasa proses *akad*.

17. Bila dan bagaimanakah saya akan menerima pembiayaan?

Anda akan menerima pembiayaan anda dalam masa 2-3 hari bekerja, tertakluk kepada dokumentasi lengkap, pengesahan majikan dan pengesahan pelanggan. Perolehan akan didebitkan ke akaun anda melalui pemindahan telegraf.

18. Adakah saya akan dimaklumkan mengenai permohonan saya sekiranya permohonan saya diluluskan / ditolak / dibatalkan?

Untuk mendapatkan status permohonan semasa anda, sila maklumkan wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda. Kami akan menghubungi anda untuk pengesahan pelanggan (*akad*) semasa proses permohonan. Anda akan dimaklumkan sebaik sahaja pembiayaan dikreditkan ke dalam akaun jika sekiranya permohonan anda diluluskan dan emel anda disertakan.

19. Apakah maksud *akad*?

Akad adalah waad antara dua pihak di mana YYP membuat tawaran kepada pelanggan untuk membuat proses urusan pembiayaan peribadi dan pelanggan bersetuju untuk menerima tawaran tersebut. Pelanggan perlu memahami soalan dan / atau pengesahan yang dikemukakan semasa proses *akad* dan memberikan butiran yang sewajarnya. Penerimaan atau penolakan tawaran tersebut harus dibuat dengan jelas sebelum perjanjian boleh dilengkapkan. Semua perbualan semasa *akad* akan dirakam.



20. Bagaimanakah proses pembayaran balik pembiayaan berfungsi?

Pembiayaan pembayaran dilakukan secara bulanan melalui skim potongan gaji yang tidak berdiskriminasi dan diproses oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa). Sekiranya potongan gaji tidak diaktifkan, anda boleh menghubungi pusat pemprosesan kami di 03-4047 0888 untuk mengatur bayaran balik ke atas jumlah tunggakan yang terhutang kepada kami. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran dibuat dengan segera setiap bulan sehingga diselesaikan sepenuhnya.

Kemudahan *Direct Debit* juga boleh didapati sekiranya skim potongan gaji bulanan tidak dapat diaktifkan dan/atau diberhentikan. Anda akan bertanggungjawab untuk memastikan butiran akaun dengan YYP dikemaskini atau menandatangani Borang Kebenaran *Direct Debit* yang baru sekiranya terdapat perubahan pada akaun *Direct Debit* anda.

21. Bilakah pembayaran balik saya bermula?

Pembayaran balik pembiayaan akan tertera dalam slip gaji 1 bulan selepas anda menerima pembiayaan. Sebagai contoh, pembayaran balik anda akan bermula pada slip gaji Februari 2018 setelah menerima pembiayaan anda pada bulan Januari 2018.

22. Apakah “Notis Serahhak” dan bagaimanakah ia menjejaskan pembayaran balik saya?

Notis Serahhak adalah notis yang diberikan oleh YYP untuk memaklum pelanggan tentang penyerahan hak kemudahan pembiayaan kepada RCE Marketing Sdn Bhd (“RCEM”), pembiaya rasmi YYP. Dengan notis tersebut, pelanggan harus membuat pembayaran balik pembiayaan terus kepada RCEM untuk produk pembiayaan peribadi YYP.

23. Bolehkah penyelesaian awal dibuat ke atas pembiayaan peribadi saya? Apakah prosedurnya?

Ya, penyelesaian awal pembiayaan anda dibenarkan. Penyelesaian awal boleh dibuat dengan mengikuti 2 langkah yang mudah.

1. Dapatkan Penyata Penyelesaian Awal anda

Anda perlu meminta Penyata Penyelesaian Awal sebelum membuat bayaran penyelesaian pembiayaan peribadi anda.

- 1.1 Lengkapkan borang permohonan perkhidmatan yang boleh didapati daripada <http://www.yyp.com.my> di Muat Turun > Borang Permohonan Perkhidmatan.
- 1.2 Bayar RM60 yuran pemprosesan untuk setiap Penyata Penyelesaian Awal kepada:

Nombor akaun bank : AmBank 0012010026381
Nama penerima : Mezzanine Enterprise Sdn Bhd

Sila berikan resit pembayaran atau apa-apa bukti pembayaran untuk pengesahan.

- 1.3 Emel borang permohonan perkhidmatan dengan bukti pembayaran kepada pertanyaan@yyp.com.my ATAU hantar borang permohonan perkhidmatan kepada Pusat Layanan Pelanggan kami.

Anda akan menerima Penyata Penyelesaian Awal dalam masa 30 hari selepas pembayaran.



23. Bolehkah penyelesaian awal dibuat ke atas pembiayaan peribadi saya? Apakah prosedurnya? (sambungan)

2. Bayar dan selesaikan pembiayaan peribadi anda

Selepas menerima Penyata Penyelesaian Awal anda, anda boleh membuat bayaran penyelesaian pembiayaan peribadi anda berdasarkan jumlah yang tertera dalam penyata tersebut. Penyelesaian pembayaran boleh dilakukan dalam bentuk pembayaran terus atau pembiayaan semula melalui pembiaya lain.

Rebat (*Ibra'*) untuk penyelesaian awal akan mengikut budi bicara dan tertakluk kepada polisi dalaman terkini selepas mengambil kira caj atau yuran prabayar berhubung dengan peruntukan dan penyediaan kemudahan ini (jika berkenaan) atau kos lain yang ditanggung akibat penyelesaian awal pembiayaan.

24. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya?

Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:

a. Semasa Tempoh Pembiayaan

Caj bayaran lewat sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan ke atas bayaran ansuran tertunggak.

b. Selepas Tempoh Matang Pembiayaan

Caj bayaran lewat berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (*Islamic Interbank Money Market* atau *IIMM*) akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak Harga Jualan YYP sehingga pembayaran penuh Harga Jualan YYP. Harga Jualan YYP ialah harga jualan yang dipersetujui dibayar oleh pelanggan untuk pembelian komoditi sepertimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Jualan Komoditi.

c. Kemungkiran Pembayaran

Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) satu (1) bulan atau lebih ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.

d. Hak Tolakan (*Offset*) Jumlah Tunggakan

Jika anda mempunyai jumlah tertunggak daripada pembiayaan terdahulu bersama YYP, YYP berhak untuk menolak jumlah tunggakan daripada jumlah pembiayaan yang baru sebelum dikreditkan kepada anda.

e. Tindakan Undang-undang

YYP berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi pada masa depan.



25. Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi pembayaran anda atau ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi:

Tel : 03-4047 0888
Emel : pertanyaan@yyp.com.my

26. Bagaimanakah saya ingin menarik balik atau membatalkan permohonan saya?

Sebelum pembiayaan diterima

Untuk menarik balik atau membatalkan permohonan anda, sila menghubungi wakil pemasaran yang mengendalikan permohonan anda.

Selepas pembiayaan diterima

Anda hanya boleh menarik balik atau membatalkan permohonan anda dalam masa 14 hari dari tarikh perjanjian jika pembiayaan telah diterima. Jumlah penuh pembiayaan mesti dipulangkan kepada YYP dan yuran pemprosesan sebanyak RM250 akan dikenakan. Yuran pemprosesan boleh dipinda dari semasa ke semasa tanpa notis pendahuluan.

Selepas 14 hari dari tarikh perjanjian, pembatalan akan dikira sebagai penyelesaian awal. Anda perlu membayar YYP baki Harga Jualan yang tertunggak dan segala rebat akan tertakluk kepada budi bicara YYP.

27. Mengapa permohonan saya ditolak?

Permohonan yang tidak memenuhi syarat seperti yang tersenarai pada soalan 2 akan dibatalkan. Permohonan anda boleh ditolak bergantung kepada profil kredit anda, situasi kewangan semasa dan komitmen.